

Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan pengangkatan anak.

Syarat-syarat:

- 21 tahun ke bawah. Sek.2,
- Wujud perkahwinan yang sah. Sek. 2,
- Ibu bapa angkat berumur 25 tahun ke atas dan sekurang-kurangnya 21 tahun lebih tua dari anak angkat atau,
- Ibu bapa angkat berumur 21 tahun tetapi salah seorang dari mereka itu waris kanak-kanak atau ibu/bapa kandungnya. Sek.4(1) a, b & c,
- Anak angkat sudah berada dalam jagaan dan saraan berterusan selama tidak kurang 3 bulan. Sek 4(4) a,
- Anak angkat dan ibu bapa angkat bermastautin di Malaysia. Sek.4(3),
- Izin bersurat diperolehi di hadapan Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah, *atau*,
- Pengecualian izin diperolehi dari Mahkamah. Sek.5(1),(2),
- Jika berlaku pemberian/penerimaan wang ianya hendaklah dilaporkan kepada Mahkamah. Sek.6 c, 13(1),
- Kedua ibu bapa angkat memelihara dan memberi saraan kepada anak angkat. Sek.13(1) c,
- Ibu dan bapa angkat hendaklah bersepakat memelihara dan memohon ke Mahkamah. Sek.5(1),
- Seorang laki-laki yang hidup membujang dilarang memelihara anak angkat perempuan, kecuali dalam keadaan kecemasan atau pemohon adalah waris kanak-kanak itu. Sek4(2),
- Tiada sebarang larangan bagi wanita yang membujang memelihara anak angkat.

Mahkamah boleh:

- Menetapkan tarikh perbicaraan pertama.
- Mengarah ibu bapa angkat, kanak-kanak serta ibu bapa kandung hadir di Mahkamah bersama dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat, Sek.11(3)

- Melantik Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai guardian ad item atau pegawai yang bertugas bagi pihak kanak-kanak serta menjaga kepentingannya, Sek 12(1)
- Mengarah Pegawai Kebajikan Masyarakat supaya menyiasat dan menyediakan laporan, Sek 13
- Menetapkan tarikh perbicaraan selanjutnya, di mana permohonan mengiktiraf boleh dipertimbangkan, Sek 12(3)

Kemudahan:

Memberi peluang kepada anak angkat yang dipelihara oleh keluarga bukan Islam diiktiraf di mahkamah melalui Akta Pengangkatan 1952. Ini bermakna anak angkat bukan Islam menjadi lebih teguh. Taraf anak angkat menjadi SEIMBANG dengan taraf anak kandung di mana:

- Hak jagaan dan tanggungjawab ibu bapa kandung diputus dan dipindahkan kepada ibu bapa angkat. Sek. 9(1)
- Pertalian dengan keluarga angkat menjadi teguh seperti sedarah sedaging.
- Anak angkat berhak mewarisi harta pusaka keluarga angkatnya. Sek. 9(3)
- Anak angkat dibolehkan mendapat nama gelaran dan nama keluarga yang baru mengikut keinginan dan pilihan ibu bapa angkat.

Peranan Pegawai Kebajikan Masyarakat:

- Mendaftar dan menyiasat permohonan.
- Menjalankan penyeliaan terhadap ibubapa angkat setelah dilantik sebagai "Guardian ad Item" oleh mahkamah.
- Menyediakan laporan "Guardian ad Item" untuk membantu mahkamah membuat keputusan.